

**1<sup>ST</sup> MEETING OF SUB GROUP 2 INTOSAI WORKING GROUP  
ON FIGHT AGAINST CORRUPTION AND MONEY  
LAUNDERING (WGFAMLC)**

**8 – 10 Februari, 2012  
Hotel Holiday Villa, Langkawi, Malaysia**



## **1. PENDAHULUAN**

Mesyuarat pertama Sub Group 2 INTOSAI *Working Group On Fight Against Corruption And Money Laundering* (WGFAMLC) telah diadakan di Langkawi, Malaysia pada 8 – 10 Februari 2012. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh seramai 20 peserta daripada 6 buah negara iaitu German, Indonesia, Iraq, Republic Czech dan Poland masuk Malaysia. Jabatan Audit Negara telah diwakili oleh Puan Hjh. Saadatul Nafisah Binti Bashir Ahmad, Timbalan Pengarah (Kewangan), Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan dan Encik Ahmad Zainurin bin Alias, Pengarah Audit, Jabatan Audit Negara Negeri Perlis. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh En. Uwe Schreiner, Pengarah Audit, Institusi Audit Jerman.

Mesyuarat yang berlangsung selama dua hari ini bertujuan untuk membincang dan menentukan struktur dan kandungan *Guideline on Corruption Prevention and Fighting including Stolen Assets Recovery* serta membahagikan tugas kepada ahli kumpulan kerja.

## 2. MAJLIS PERASMIAN

Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara Malaysia. Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Hj. Anwari bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan), YBhg. Dato' Mustafa bin Hj. Saman, Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri) dan Encik Zulkipli bin Abdullah, Pengarah Sektor Audit Khas dan Penyelidikan.

Dalam ucapan perasmian, beliau menyentuh kesan dan kepincangan yang berlaku disebabkan rasuah. Penipu dan pelaku rasuah kini menjadi lebih cekap dan *sophisticated* dalam menjalankan agenda mereka dari semasa ke semasa. Sehubungan dengan itu, beliau berharap garis panduan ini akan dapat menyediakan cara dan panduan asas dalam pencegahan rasuah dan seterusnya memberi manfaat kepada semua pihak yang berkenaan dalam memerangi penipuan, rasuah dan pengubahan wang haram.

Sebagai ahli INTOSAI, Malaysia komited dan sentiasa memberi sokongan serta kerjasama dengan INTOSAI dalam usaha memerangi rasuah. Jabatan Audit Negara amat berbesar hati kerana terpilih untuk menjadi tuan rumah bagi mesyuarat ini sebagai salah satu sokongan dan sumbangan jabatan ini kepada masyarakat antarabangsa. Beliau berharap mesyuarat ini akan berjaya dan memberi manfaat kepada semua pihak. Akhir kata, beliau menggalakkan para delegasi mewujudkan rangkaian serta perkongsian pengetahuan di antara ahli-ahli.

En. Uwe Schreiner, Pengarah Audit, Institusi Audit Jerman yang juga Ketua Kumpulan – *Sub Group 2* mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara Malaysia dan sekretariat kerana menyediakan tempat dan mengatur mesyuarat dengan baik kepada para delegasi. Beliau seterusnya menerangkan objektif dan agenda mesyuarat *Sub Group 2* yang pertama kepada majlis.



Ucapan Aluan YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara Malaysia



Ucapan Pembukaan En. Uwe Schreiner, Pengarah Audit, Institusi Audit Jerman selaku Ketua Kumpulan Sub Group 2



YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang,  
Ketua Audit Negara Malaysia menerima  
cenderahati dari Institusi Audit Jerman



YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang,  
Ketua Audit Negara Malaysia menerima  
cenderahati dari BPK Indonesia



YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang,  
Ketua Audit Negara Malaysia menerima  
cenderahati dari Institusi Audit Poland

### 3. AGENDA MESYUARAT

#### 3.1 Ceramah Bertajuk *Malaysian Experience In Fighting Corruption*

Pada 8 Februari 2012, En. Azmi bin Hj. Mohd, penceramah jemputan dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah memberi ceramah bertajuk *Malaysian Experience in Fighting Corruption*. Antara aspek yang disentuh dalam ceramah beliau ialah mengenai strategi dan taktik yang diambil oleh SPRM dalam membentera rasuah di Malaysia. Beliau juga menyentuh mengenai kes-kes rasuah yang berlaku di Malaysia serta operasi penguatkuasaan yang telah dijalankan.



Ceramah sedang disampaikan oleh En. Azmi bin Haji Mohd., Penolong Pesuruhjaya SPRM

### **3.2 PERBINCANGAN MENGENAI GUIDELINES ON CORRUPTION PREVENTION IN FIGHTING INCLUDING STOLEN ASSETS RECOVERY**

Perbincangan telah dibahagikan kepada 5 blok. Blok-blok perbincangan adalah seperti berikut:

Blok	Tajuk Perbincangan
Blok 1	<p><i>Laws and Regulations Pertaining to Corruption and Stolen Assets Recovery</i></p> <p><i>Chapter 1: Introduction</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Objective and Purpose of the Guideline</i></li> <li>• <i>Role of the SAI's in Fighting Corruption</i></li> <li>• <i>Limitations of SAI's Activities</i></li> <li>• <i>Definition of Corruption</i></li> <li>• <i>Reasons for Corruption</i></li> <li>• <i>Reference to Glossary (Explanations of Terms Used in the Guideline)</i></li> <li>• <i>Applicability of the Guideline</i></li> <li>• <i>Laws and Regulations</i></li> </ul>
Blok 2	<p><i>Component of Prevention and Fighting</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Organisation</i></li> <li>• <i>Risk Assessment</i></li> <li>• <i>Risk Analysis</i></li> </ul>
Blok 3	<p><i>Modules of the Guideline</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Segregation Of Duty Including The Principle Of 4 Eyes</i></li> <li>• <i>Personnel Rotation And Job Rotation</i></li> <li>• <i>Supervision</i></li> <li>• <i>Decision Making</i></li> </ul>
Blok 4	<p><i>Other Modules of the Guideline:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Roles of Internal Review Regarding Corruption Prevention</i></li> <li>• <i>Cooperation with Other Institutions Involved in Fighting Against Corruption (e.g. anti corruption institutions, police)</i></li> <li>• <i>Human Capital Including Sensibilisation And Training Of Employees</i></li> <li>• <i>Code of Conduct</i></li> </ul>
Blok 5	<p><i>Final Modules:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Precautions In Public Procurement</i></li> <li>• <i>Reporting Procedures</i></li> <li>• <i>Annexes (glossary, example on SAIs audit experience and stolen asset recovery).</i></li> </ul>

### 3.3 PEMBAHAGIAN TUGAS

Mesyuarat telah mencapai persetujuan bersama mengenai kandungan yang perlu ada bagi setiap tajuk dalam garis panduan. Delegasi seterusnya secara sukarela menawarkan diri untuk bertanggungjawab menyediakan draf perenggan garis paduan tersebut seperti berikut:

Draf Perenggan	Tajuk	Tindakan SAI
A.(a)	Objective and Purpose of the Guideline	Jerman
A.(b)	Role of the SAIs in the Fight Against Corruption	Poland
A.(c)	Limitations Of SAI-Activities	Poland
A.(d)	Definition of Corruption	Poland
A.(e)	Reasons for Corruption	Poland
A.(f)	Reference to Glossary	Jerman
A.(g)	Applicability of the Guideline	Jerman
A.(h)	Laws and Regulations	Republik Czech
B.(a)	Organization	Jerman
B.(b)	Risk Assessment and Risk Analysis	Jerman
B.(c).(1)	Segregation of Duty Including the Principle of <i>4 Eyes</i>	Malaysia
B.(c).(2)	Personnel Rotation and Job Rotation	Malaysia
B.(c).(3)	Supervision	Malaysia
B.(c).(4)	Decision Making	Indonesia
B.(c).(5)	Role of Internal Review Regarding Corruption Prevention	Iraq
B.(c).(6)	Cooperation with Other Institutions Involved in Fighting Against Corruption	Iraq
B.(c).(7)	Human Capital Including Sensibilization and Training of Employees	Indonesia

Draf Perenggan	Tajuk	Tindakan SAI
B.(c).(8)	Code of Conduct	Indonesia
B.(c).(9)	Precautions in Public Procurement	Iraq & Republik Czech
B.(d)	Reporting Procedures	Jerman
C.	Annexes	Bersama

### 3.5 PENGHANTARAN DRAF PERENGGAN GARIS PANDUAN AND MESYUARAT AKAN DATANG

- a) Semua ahli kumpulan bersetuju tarikh penghantaran draf perenggan garispanduan seperti berikut:

Penghantaran	Tarikh Akhir
Draf Pertama Perenggan Garis Panduan	30 April 2012
Draf Kedua Perenggan Garis Panduan	31 Mei 2012

- b) Mesyuarat Akan Datang

Jadual dan Jadual Mesyuarat akan datang adalah seperti berikut:

Mesyuarat	Agenda	Tarikh & Tempat
Mesyuarat kedua <i>sub group 2</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perbincangan mengenai draf garis panduan</li> <li>Keputusan mengenai draf akhir</li> </ul>	Jun 2012 Berlin, Jerman
Mesyuarat INTOSAI WGFACML	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembentangan dan Perbincangan mengenai keputusan dari <i>Sub Group 2</i></li> <li>Keputusan mengenai Procedure seterusnya</li> <li>Komen dari kumpulan WGFACML lain berhubung draf akhir garis panduan</li> </ul>	September 2012 Gdansk, Poland
Mesyuarat ketiga <i>sub group 2</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Muktamadkan garis panduan dengan mengambil kira maklumat daripada kumpulan <i>sub group</i> yang lain</li> </ul>	Februari 2013 Indonesia
Mesyuarat terakhir INTOSAI WGFACML	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perbentangan terakhir <i>Guideline on Corruption Prevention in Fighting Including Stolen Assets Recovery</i></li> </ul>	September 2013 Beijing, China

### Gambar Delegasi Semasa Perbincangan



Delegasi Jerman



Delegasi Malaysia



Delegasi Republik Czech



Delegasi Poland



Delegasi Indonesia



Delegasi Iraq

### 3.3 Program Lawatan

Antara program lain yang diatur untuk delegasi adalah majlis makan malam bersama Ketua Audit Negara Malaysia, permainan bola sepak persahabatan antara delegasi,

lawatan ke Galeria Perdana, lawatan ke Paya Bakau Sungai Kilim dan Kereta Kabel Langkawi

#### PERLAWATAN BOLASEPAK PERSAHABATAN ANTARA URUS SETIA & DELEGASI



Delegasi & Urus Setia



Permainan sedang berlangsung

#### LAWATAN KE PAYA BAKAU SUNGAI KILIM



Delegasi sedang memerhati burung helang



Gambar berkumpulan selepas lawatan

#### KERETA KABEL LANGKAWI



Delegasi bersedia menaiki kereta kabel



Di puncak gunung Mat Chincang

## LAWATAN KE GALERIA PERDANA



Taklimat mengenai Galeria Perdana



Delegasi dari Iraq

## MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA KETUA AUDIT NEGARA



Ucapan aluan oleh Ketua Audit Negara



KAN berinteraksi dengan delegasi



Persembahan Kebudayaan oleh Holiday Villa



Pegawai JAN dengan delegasi

#### **4. PENUTUP**

Secara keseluruhan mesyuarat pertama Sub Gorup 2 INTOSAI WGFCML yang dianjurkan oleh Jabatan Audit Negara dilaksanakan dengan jayanya serta mencapai objektif. Mesyuarat dimulakan tepat pada masanya dan agenda mesyuarat dibincangkan dengan menyeluruh. Program lawatan juga telah berjalan dengan lancar.